

Kejayaan besar ubah persepsi ultra Melayu

UM 15 OCT 2002

KUALA LUMPUR 14 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kemampuannya mengubah persepsi umum yang sebelum ini mengangap beliau adalah ultra Melayu merupakan kejayaan besarnya selama menjadi Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, beliau berjaya membuktikan bahawa tanggapan itu tidak benar apabila kepimpinannya tetap meneruskan dasar kerjasama antara kaum yang diasaskan oleh Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra.

“Pada sidang akhbar semasa Tun Hussein Onn mengumumkan pelantikan saya sebagai timbalannya, ada yang kata, *Oh My God* (Oh Tuhanku) kerana saya ter-

kenal sebagai ultra Melayu (pelampau Melayu).

“Tetapi apabila saya mengumumkan untuk meletak jawatan orang sebut *Oh My God* juga, saya anggap ini kejayaan saya kerana dapat buktikan bahawa saya bukan ultra Melayu sebagaimana yang dikenali,” katanya ketika merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Wilayah Persekutuan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, walaupun beliau pernah berselesih pendapat dengan Tunku Abdul Rahman sehingga disingkir daripada UMNO, ia tidak menjadi halangan bagi

kepimpinannya meneruskan dasar yang dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman.

“Itu politik...kadang-kadang kita berada di atas dan kadang-kadang berada di bawah,” ujarnya.

Kehendak

Beliau berkata, perjuangan yang diasaskan oleh tiga orang Perdana Menteri sebelum ini telah berjaya diteruskan dalam BN dan ia merupakan satu fakta yang tidak dapat dinafikan.

“Kita dalam apa jua tindakan cuba mencapai keputusan melalui persetujuan bersama dan bukan kehendak satu-satu parti. Untuk menjayakan BN kita perlu mengamalkan perundingan,” katanya.